

PEMIKIRAN LIBERAL DALAM PERADABAN BARAT DAN ISLAM

Norsaleha Mohd. Salleh

norsaleha@kuis.edu.my

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa
Selangor (KUIS)

Phayilah Yama @ Fadilah Zakaria

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa
Selangor (KUIS)

Abu Zaki Ismail

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa
Selangor (KUIS)

Noor Hafizah Mohd. Haridi

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa
Selangor (KUIS)

Kamal Azmi Abdul Rahman

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa
Selangor (KUIS)

Pendahuluan

Pemikiran liberalisme muncul sebagai reaksi terhadap dominasi kuasa gereja yang melampau terhadap kehidupan manusia. Semua peraturan dan keputusan berada bawah kuasa otonomi gereja. Keadaan ini mengakibatkan masyarakat Eropah tidak memiliki kebebasan bertindak dan membuat keputusan. Sebarang penemuan baru yang dilihat boleh mencabar kuasa gereja ditolak dan pelakunya dihukum dengan kejam. Tekanan ini memberi impak yang besar dalam pemikiran rakyat sehingga muncul gerakan yang menuntut kebebasan mutlak dari kuasa dan undang-undang gereja. Gerakan ini mendakwa kemunduran dan kelemahan rakyat kerana mengikut kehendak gereja. Bagi mencapai kemajuan hidup di dunia, rakyat mestilah bebas dari ikatan gereja dan peraturan agama. Rakyat perlu membuat keputusan sendiri menentukan hidup. Kejayaan dan kegagalan rakyat ditentukan oleh diri sendiri, di mana mereka memiliki kebebasan dalam menentukan kehidupan.

Rakyat sendiri yang perlu membuat keputusan kepada hidup mereka. Kejayaan dan kegagalan manusia ditentukan oleh diri sendiri, di mana mereka memiliki kebebasan dalam menentukan kehidupan sendiri. Kesan daripada gerakan ini, gereja menjadi institusi spiritual dan ritual yang hanya menguruskan perkara yang berkaitan ibadat keriohanian, pengampunan, perkahwinan dan kelahiran. Mana kala pengurusan kehidupan yang melibatkan pemerintahan negara, pertahanan, kewangan, ekonomi dan politik dipisahkan daripada campur tangan gereja. Semenjak itu berlaku pemisahan total antara agama yang hanya bersifat ritual dan spiritual dengan kehidupan dunia yang diurustadbir oleh institusi yang tiada kaitan dengan gereja. Gerakan liberalisme berjaya melahirkan pemikiran sekularisme yang memisahkan urusan agama daripada kehidupan dunia.

Faktor kemunculan liberalisme di Barat

Adian Husaini (2005) dalam kajiannya mendapati ada tiga faktor yang mendorong kemunculan liberalisme di Barat. Pertama, trauma sejarah Kristian, kedua isu teks Bible dan ketiga isu teologi Kristian. Ketiga-tiga isu ini berkait antara satu sama lain, sehingga melahirkan perasaan phobia terhadap agama. Tiga faktor ini menjadi faktor utama pegangan masyarakat Barat terhadap ideologi liberal sebagai cara hidup. Ideologi liberal ini bukan sahaja menjadi pegangan dalam menentukan kehidupan dan gaya hidup, malah ideologi ini juga berjaya disebarluaskan ke seluruh dunia termasuk dunia Islam.

Liberalisme dan peradaban Barat

Kemunculan pemikiran liberal berkait rapat dengan peradaban Barat dan agama Kristian di Eropah. Menurut Ahmad Idris (1991) pemikiran liberal mempunyai akar sejarah sangat panjang dalam sejarah peradaban Barat dan Kristian. Pada 300 tahun Masehi, agama Nasrani atau yang dikenali sebagai agama Kristian mengalami penindasan di bawah Kerajaan Rom sejak berkuasanya Kaisar Nero yang telah mengisytiharkan agama Kristian sebagai suatu kejahatan. Perkara ini ditegaskan juga oleh Abdulah Nasih Ulwan (1996) bahawa pada era awal ini pengamalan agama Kristian seiring dengan kandungan Injil Matius yang menyatakan;

"Berikanlah kepada Kaisar apa yang menjadi milik Kaisar dan berikanlah kepada Tuhan apa yang menjadi milik Tuhan." (Matius, 22:21).

Walau bagaimanapun, tentangan ini berubah pada tahun 313M apabila Kaisar Konstantin mengeluarkan doktrin *Edict of Milan* untuk melindungi agama Kristian. Pada tahun 392M keluar *Edict of Theodosius* yang menjadikan agama Kristian sebagai agama negara (*state-religion*) bagi Kerajaan Rom. Pada tahun 476M Kerajaan Rom Barat runtuh dan bermulalah era pertengahan (*Medieval Ages*) atau era kegelapan (*Dark Ages*). Semenjak itu gereja mula menjadi sebuah institusi yang dominan. Kuasa gereja dilihat melalui susunan sistem kepausan (*papacy power*) oleh Gregory I (540-609 M), Paus telah dijadikan sumber kuasa agama dan kuasa dunia dengan memiliki autoriti mutlak tanpa batas dalam berbagai-bagai aspek kehidupan seperti politik, sosial dan pemikiran. Pada abad pertengahan, penyimpangan dan penindasan oleh kuasa Gereja dan golongan beraja berleluasa seperti penolakan ilmu dan kajian baru dan tersebarnya surat pengampunan dosa. Kesannya muncul gerakan Reformasi Gereja (1294-1517) yang menyebarkan pemikiran yang menolak kuasa dan dominasi gereja. Rentetan daripada itu munculnya tokoh-tokoh seperti Marthin Luther (1546), Zwingly (1531) dan John Calvin (1564).

Gerakan ini melahirkan para pemikir Renaissans pada abad ke-16 seperti Machiaveli (1528) dan Michael Montaigne (1592). Tokoh-tokoh ini menentang dominasi Gereja, menuntut kebebasan dan agama disingkirkan dari kehidupan (Azalina Tatar & Latifah Abdul Majid 2012). Pada abad ke-17 dan 18, suara menuntut pemisahan agama dari kehidupan semakin kemuncak dengan kemunculan tokoh seperti Montesquieu (1755), Voltaire (1778) dan Rousseau (1778). Kemuncak penentangan terhadap Gereja ini adalah Revolusi Perancis pada tahun 1789. Revolusi ini telah memisahkan kuasa Gereja dari masyarakat, negara dan politik. (Qashash, 1995; Mazlan Ibrahim et al. 2011; Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Muhd

Najib Abdul Kadir 2013). Sehubungan dengan itu, lahirnya gerakan sekularisme-liberalisme yang menjadi dasar bagi konsep ideologi dan peradaban Barat.

i- Trauma Sejarah Kristian

Pertembungan yang berlaku antara Gereja Konstantinopel dan Antioch di Turki serta Alexandria di Mesir menimbulkan pertumpahan darah dan peperangan yang berterusan. Implikasi daripada pertempuran ini menghasilkan perasaan inginkan kebebasan daripada ikatan gereja. Golongan rakyat berpandangan mereka boleh mencapai kehidupan yang lebih toleran dan damai sekiranya berjaya menghapuskan kuasa gereja dari campur tangan dalam urusan politik dan dasar negara (Adian Husaini 2005; Bernard Lewis 2002). Dakwaan gereja sebagai institusi rasmi mewakili Tuhan memberi ruang kepada tindakan di luar batas kemanusiaan kepada penganut ajaran kristian dan juga bukan beragama kristian yang dilihat mencabar kuasa gereja. Bentuk penyiksaan yang pernah berlaku ialah pembakaran hidup-hidup, pencukilan mata, menggergaji tubuh, pemotongan lidah, menghancurkan kepala, menyula kemaluan dan berbagai bentuk siksaan lain yang kejam. Catatan juga menunjukkan sekitar 85% korban penyiksaan dan pembunuhan adalah wanita di mana sekitar tahun 1450-1800 dianggarkan dua sehingga empat juta wanita dibakar hidup-hidup di daratan Katolik dan Protestan Eropah (Karen Armstrong 1991). Suasana ini menimbulkan kesan trauma agama dalam diri masyarakat Eropah sama ada yang beragama Kristian atau tidak.

Pada 31 Oktober 1517 Marthin Luther (1483-1546) telah melakukan pemberontakan menolak kuasa gereja terutamanya doktrin pengampunan dosa yang menjadi kunci kuasa gereja kepada rakyat (Philip J. Adler 2000). Pemberontakan demi pemberontakan terus berlangsung, sehingga dunia Kristian Eropah kemudian terbelah menjadi dua bagian besar iaitu Katolik dan Protestan. Suasana peperangan dan pertempuran antara kuasa-kuasa gereja menjadikan rakyat sebagai mangsa dan penindasan berlaku tanpa peri kemanusiaan. Salah satu kisah yang paling mengerikan adalah pembantaian kaum Protestan di Paris oleh kaum Katolik tahun 1572 yang dikenal sebagai *The St. Bartholomew's Day Massacre*. Lebih kurang 10.000 orang mati dalam kejadian ini. Selama berminggu-minggu jalanraya di Paris dipenuhi dengan mayat yang membusuk (Philip J. Adler 2000). Seorang yang selamat dari pembantaian itu menggambarkan hari yang mengerikan itu;

Tidak seorang pun dapat mengukur berbagai kekejaman yang terjadi dalam pembunuhan-pembunuhan ini. Sebagian besar mereka dimusnahkan dengan belati. Tubuh mereka ditikam, anggota tubuhnya dirusak, mereka dihina dengan cemoohan yang lebih tajam dari pedang. Mereka memukul sejumlah orang tua tanpa perasaan, membenturkan kepala mereka ke batu di dermaga dan kemudian melemparkan sosok setengah mati itu ke sungai. Seorang anak yang terbungkus pakaiannya diseret di jalan dengan tali yang dililitkan di lehernya oleh anak-anak berumur sekitar 9 atau 10 tahun. Kemudian melemparkannya ke sungai, yang menjadi merah karena darah dan tidak dapat kembali ke warna asalnya untuk waktu yang panjang (Philip J. Adler 2000).

Dalam waktu yang sama golongan bangsawan di Perancis mendapat hak yang istimewa, termasuk pembebasan pajak. Ini menimbulkan dendam bagi masyarakat Barat dan mempengaruhi sikap Barat terhadap agama. Pada abad ke-18 muncul sikap anti-pemuka agama, yang dikenal dengan istilah *anti-clericalism*. Implikasi kepada kekejaman yang panjang ini membangkitkan revolusi Perancis pada tahun 1789 dengan laungan slogan *Liberty, Equality, Fraternity* yang membawa maksud kebebasan, persamaan dan persaudaraan. Menurut Adian Husaini (2005), trauma

inilah melahirkan kefahaman sekularisme yang memisahkan agama daripada politik. Agama dianggap sebagai wilayah peribadi dan politik (negara) adalah wilayah publik. Agama adalah hal yang suci sedangkan politik adalah hal yang kotor dan penuh tipu daya. Ini adalah trauma Barat pada sejarah keagamaan mereka yang sangat berbeza dengan pengalaman sejarah Islam atau peradaban lainnya. Mendepani serangan yang sangat kuat ini, pihak Kristian akhirnya menyerah dan menerima proses sekularisasi sebagai sebahagian dari kenyataan.

ii- **Problem Teks Bible**

Problem teks bible merujuk kepada makna teks yang terkandung di dalamnya. Menurut Adian Husaini (2005) sebahagian sarjana Barat cuba menyamakan Bible dengan al-Quran dengan dakwaan kitab suci dan mukjizat. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada mereka juga mengakui perbezaan ketara antara al-Quran dan Bible. Norman Daniel (1997) menegaskan al-Quran adalah Kitab yang tiada kesalahan dan perbandingan dengan apa jua kitab yang lain. Berbeza dengan kitab bible yang sehingga kini masih merupakan misteri tentang siapa penulisnya yang sebenar. Menurut Richard Elliot Friedman (1989) dan Bruce M. Metzger (1972), selain daripada kegagalan menentukan siapa penulis sebenar, kitab bible juga mempunyai banyak versi yang saling bercanggah faktanya antara satu sama lain. Kepelbagaian maksud dan percanggahan antara Bible menggambarkan ketidakstabilan informasi yang sepatutnya sampai kepada penganut ajaran Kristian. Situasi ini sangat berbeza dengan ajaran Islam yang terkandung dalam al-Quran. Ia tidak berubah semenjak awal penurunannya kepada Rasulullah SAW sehinggalah pada hari ini. Walaupun al-Quran di terjemahkan dalam berbagai bahasa, namun nas dan ayat al-Quran yang menggunakan bahasa Arab kekal sebagai nas yang diterima dan tidak berubah.

iii- **Problem Teologi Kristian**

Tiga perkara utama yang menjadi kontroversi dalam teologi Kristian iaitu status Nabi Isa, penyaliban dan hari kebangkitan. Sayid Sabiq (2003) mendedahkan tentang wujudnya komplot dalam kalangan Kaisar Konstantin dan paderi-paderi berkaitan status Nabi Isa AS. Menurut Michael Baigent, Richard Leigh dan Henry Lincoln (1986), doktrin teologi Kristian diputuskan dalam Persidangan Nicea yang dipelopori oleh Kaisar Konstantin. Persidangan ini menjadikan Rome sebagai pusat rasmi *Christian orthodoxy*. Dalam persidangan ini, status ketuhanan Isa diputuskan melalui pemungutan suara. Mana-mana suara yang membantah dan menolak status Isa sebagai anak tuhan akan dihapuskan, termasuk juga kitab bible yang tertulis di dalamnya Isa sebagai Pesuruh dan Hamba Allah. Walau bagaimanapun, status agama Kaisar Konstantin ini sendiri dipertikaikan oleh pengkaji sejarah. Menurut Michael Baigent, Richard Leigh dan Henry Lincoln (1986), Kaisar Konstantin sebenarnya penganut paganisme yang menyembah dewa matahari dan paganisme telah menjadi agama rasmi kerajaan Rome sebelum itu. Malah pewartaan hari Ahad sebagai hari istirahat dan 25 Disember sebagai hari Natal sebenarnya merujuk kepada Dewa Matahari yang disembah oleh Kaisar Konstantin yang bernama Dewa Sol Invictus. Berdasarkan catatan, penganut Kristian sebelum ini merayakan hari kelahiran Nabi Isa pada 6 Januari dan menjadikan hari Sabtu sebagai hari istirahat.

Menurut C. Groenen Ofm (1988), seluruh permasalahan kristologi di dunia Barat berasal daripada kenyataan dunia Barat sendiri yang meletakkan Tuhan menjadi satu problem. Perbincangan tentang isu ketuhanan ini menunjukkan kepada simpang siurnya pemikiran dan budaya Barat. Isu yang berlaku dalam sejarah

peradaban Barat ialah apabila sarjana yang muncul ketika itu seperti Saint Anselm, Abelard, dan Thomas Aquinas diminta untuk mensejajarkan pemikiran dan pandangan mereka dengan doktrin gereja dan teks bible. Sedangkan sesetengah teks bible itu dikatakan bertentangan dengan akal dan perkembangan ilmu pengetahuan. Para sarjana seperti Galileo Galilei (1546-1642), Nicolaus Copernicus (1473-1543) dan Giordano Bruno (1548-1600) antara sarjana yang dihukum kerana mempunyai teori yang bertentangan dengan ajaran gereja (E.A. Livingstone 1996). Siri pembantaian dan penghapusan mereka yang mempertikaikan status ketuhanan Nabi Isa berterusan dengan berbagai-bagai cara termasuk bunuh dan bakar hidup-hidup (Marvin Perry 1926).

Ketiga-tiga faktor yang berkaitan dengan trauma sejarah Kristian, problem teks Bible dan problem teologi Kristian membentuk cara berfikir dan sikap Barat terhadap agama (Adian Husaini (2005). Pemikiran yang mahu membebaskan diri dari sebarang ikatan dan peraturan agama yang dilihat membelenggu kemajuan manusia dan menyekat manusia daripada berinovasi. Idea memisahkan agama daripada kehidupan adalah refleksi sebenar Barat yang mencetus gerakan besar-besaran menolak agama sebagai pengawal dan penentu dasar dan polisi negara dan kehidupan. Melalui dominasi dan hegemoninya, Barat berusaha mengglobalkan konsep-konsep keilmuan dalam berbagai bidang, termasuk dalam bidang pemikiran Islam. Proses liberalisasi dan sekularisasi di berbagai bidang yang terjadi di dunia Islam tidak lain adalah sebahagian dari globalisasi yang bermula dari pengalaman dan realiti Barat (Adian Husaini 2005).

Liberalisme dan gerakan reformasi

Gerakan reformasi ini diasaskan oleh Martin Luther (1483 – 1546) bagi menunjukkan protes terhadap penguasaan dan dominasi gereja kepada masyarakat. Menurut Khalif Muaamar (2009) gerakan ini bertujuan menentang penguasaan dan pemerintahan gereja yang autoritarianisme. Gerakan ini berjuang untuk membataskan penguasaan politik, mempertahankan pemilikan dan menetapkan hak asasi manusia agar tidak dibuli oleh pihak gereja. Ini merupakan satu gerakan pembaharuan dalam agama kristian bagi memastikan ajaran Kristian selari dengan tuntutan semasa (Mc Donald dan Lee Cameron 1968). Rentetan daripada gerakan inilah, munculnya kebangkitan rakyat yang dinamakan *renaissance* iaitu kebangkitan yang menghasilkan pemikiran liberal yang mahu bebas dari sebarang ikatan agama dan peraturannya. Menurut Mariani Febriana Lere Dawa (2010), *renaissance* adalah zaman di mana mereka mahu mengulangi semula kegemilangan peradaban Greko – Romawi pada lima abad terakhir sebelum Masihi dan tiga abad terawal selepas Masihi.

Kebangkitan Eropah menentang kuasa gereja dan membataskan kuasa pemerintah ditunjangi oleh gerakan liberalisme yang dipelopori oleh para sarjana ketika itu. Gerakan ini menolak penguasaan gereja dan golongan agama, menghapuskan ketuanan dan cukai yang tentukan gereja kepada rakyat (Harold J. Laski 1997). *Renaissance* ini telah membangkitkan semangat rakyat untuk meletakkan semua keputusan mestilah berpaksi kepada keputusan dan kehendak manusia. Menurut Khaliff Muammar (2009), kumpulan ini meletakkan akal sebagai satu-satunya pembimbing yang sempurna dan mutlak bagi mencapai kebijaksanaan. Ini merupakan konsep dan ciri-ciri yang terdapat dalam pemikiran liberalisme.

Menurut Ahmad Yumni (2015) liberalisme di Perancis berlaku akibat penentangan terhadap Raja Louis XVI dan golongan bangsawan termasuklah paderi yang bersikap autokratik dan memiliki kehidupan mewah dengan pelbagai hak keistimewaan. Tokoh liberalisme seperti Voltaire, Jean Jacques Rousseau dan Montesquie antara mereka yang kuat perjuangankan hak asasi manusia sehingga Parlimen Perancis meluluskan Pengisytiharan Hak-Hak Manusia dan Warganegara pada tahun 1789. Pengisytiharan ini memberi hak yang sama kepada setiap individu seperti kebebasan bersuara, pemilikan, berpolitik dan sebagainya. Masyarakat Eropah semakin terbuka dan bebas tanpa sekatan daripada pihak gereja.

Liberalisme dalam masyarakat Islam

Kemunculan liberalisme dalam kalangan umat Islam pula bermula semenjak berlakunya penjajahan kuasa Eropah pada kurun ke-16 hingga awal kurun ke-20 (Tengku Intan Tengku Puji & Muhd Najib Abdul Kadir 2013). Bukan sahaja sistem pemerintahan dan budaya Barat dibawa masuk bahkan pentadbiran dan pendidikan juga telah meresap dalam pemikiran umat Islam. Penerapan berbagai-bagai teori pendidikan dan sosiologi yang mempromosikan ideologi liberalisme kepada masyarakat Islam berlaku secara langsung dan tidak langsung. Kebanyakan teori pendidikan dan sosiologi Barat dikembangkan oleh pendokong ideologi humanisme yang berpaksikan keputusan manusia dan bebas daripada peraturan agama (Norsaleha et al. 2015). Walau bagaimanapun, faktor dalaman masyarakat Islam juga menjadi ruang dan peluang kepada kuasa luar menyusup masuk. Pegangan akidah yang goyah dan jati diri Muslim yang rapuh menjadi punca munculnya aliran yang mendakwa diri muslim namun secara praktikal dan falsafah hidup terpesong dari landasan agama. Menurut Mohd Fairuz Jamaluddin & Latifah Abdul Majid (2013) golongan ini mempunyai pemikiran yang menuntut kepada keterbukaan dalam berijtihad dengan meletakkan akal pada tempat yang paling tinggi sehingga meminggirkan pegangan utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah.

Pandangan ini selari dengan Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Muhd Najib Abdul Kadir (2013) yang berpendapat kemunculan liberalisme adalah reaksi tentangan terhadap autoriti gereja yang menggunakan slogan atas nama Tuhan untuk bertindak dan menindas. Pertembungan aliran pemikiran berlaku, sehingga pengaruh yang inginkan kebebasan ideologi semakin diterima dan menyusup masuk dalam pelbagai bidang kehidupan. Ideologi ini semakin berkembang ke serata tempat dan peluang ini digunakan oleh golongan tertentu untuk dijadikan bahan dengan metlamat merosakkan akidah umat Islam.

Proses globalisasi dan dunia tanpa sempadan secara langsung telah mendedahkan masyarakat Islam dengan berbagai-bagai perkara sama ada yang baik mahupun yang buruk. Golongan yang mudah terpengaruh dan menerima kesan yang besar kepada proses ini ialah belia, kerana mereka adalah antara golongan yang mudah menerima unsur luar dan menerimanya tanpa tapisan yang bijaksana (Ulwan 2003). Usia belia yang takrifkan bermula pada usia 15 tahun hingga 40 tahun merupakan waktu cabaran bagi menentukan gaya hidup, identiti dan pemikiran seseorang. Sebab itulah apabila pelbagai serangan pemikiran menyerap masuk dalam pemikiran seseorang sama ada melalui saluran media, komunikasi, internet dan lain-lain, kita dapati agak sukar untuk ditolak melainkan mereka yang mempunyai kefahaman yang jelas tentang agama Islam dan pengajarannya.

Perkataan liberal merujuk kepada *liberty* atau konsep kebebasan. Mill, J. S (1869) merujuk perkataan liberal kepada hak-hak peribadi yang berkaitan dengan cara hidup termasuk kebebasan seksual, kebebasan beragama, kebebasan pemahaman dan perlindungan dari campur tangan kerajaan di dalam kehidupan peribadi. Menurut al-Silmy (2009) aliran liberalisme mula muncul di sebelah Barat pada zaman renaissance pada kurun ke 15 Masihi. Aliran ini muncul sebagai tindakbalas terhadap kekejaman dan kerakusan yang dilakukan oleh pihak gereja dan penguasa kerajaan ketika itu. Akibatnya, muncul seruan kebebasan daripada sebarang ikatan agama dan peraturan yang menyusahkan kehidupan rakyat. Gerakan ini semakin membesar dan berkembang sehingga akhirnya menjadi satu agenda baru kepada kuasa Barat untuk melebarluaskan kefahaman ini ke dalam budaya dan masyarakat Islam. Akhirnya aliran ini menjadi satu agenda penjajahan Barat ke atas dunia Islam yang bertujuan mahu menguasai dunia seluruhnya.

Penutup

Pemikiran liberal diterima sebagai satu kemenangan kepada perjuangan manusia di Barat selepas satu tempoh yang lama berada dalam penindasan dan kezaliman gereja dan penguasa. Doktrin Paus sebagai wakil tuhan di dunia telah disalahgunakan untuk mendominasi kehidupan rakyat dalam berbagai-bagai aspek. Penolakan terhadap doktrin ini oleh golongan liberal adalah disebabkan persepsi mereka terhadap kesalahan yang dilakukan gereja sebagai satu kesalahan agama. Sebab itulah liberalisme Barat menolak agama kerana agama menolak kemajuan, inovasi dan kreativiti. Pemikiran liberal ini telah berjaya membebaskan masyarakat Barat daripada terbelenggu dengan peraturan yang tidak masuk akal dan menyekat kebebasan berinovasi dan kreatif. Keadaan ini berbeza dengan Islam yang menghargai perubahan dan inovasi penganutnya. Islam adalah agama yang menghargai akal dan pemikiran. Islam menggesa umatnya memaksimumkan penggunaan akal dan pemikiran bagi mencapai kemajuan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Dalam waktu yang sama, Islam memandu umatnya supaya tidak melanggar batas kemanusiaan dan meneroka sesuatu yang tidak mampu dicapai oleh akal dan pemikiran. Latar belakang yang mewarnai umat Islam tidak sama dengan nasib yang dialami oleh masyarakat Barat sewaktu berada di bawah dominasi gereja. Islam menghargai pendapat dan pandangan yang berbeza walaupun datang daripada seorang wanita atau kanak-kanak.

Rujukan

- Adian Husaini dan Nuim Hidayat. 2002. *Islam Liberal: Sejarah, Konsepsi, Penyimpangan, dan Jawabannya*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Ahmad Idris. 1991. *Sejarah Injil dan Gereja (Tarikh al-Injil wa al-Kanisah)*. Penterjemah H. Salim Basyarahil. Jakarta: Gema Insani Press
- Ahmad Yumni Abu Bakar. 2015. *Menjawab Islam Liberal*. Selangor: Pts Islamika Sdn. Bhd.
- al-Qashash, Ahmad. 1995. *Usus Al-Nahdhah Al-Rasyidah*. Beirut: Darul Ummah.
- al-Silmy. Abd Rahim Somail. 2009. *Haqiqat al-libraliyah wa mawqif al-Islam minha*. Jeddah: Markaz al-Ta'sil li al-Dirasat wa al-Buhuth.

- Bernard Lewis. 2002. *What Went Wrong? Western Impact and Middle Eastern Response*. London: Phoenix.
- Bruce M. Metzger. 1975. *A Textual Commentary on the Greek New Testament*. Stutgard: United Bible Societies.
- C. Groenen. 1988. *Sejarah Dogma Kristologi: Perkembangan Pemikiran tentang Yesus Kristus pada Umat Kristian*. Yogyakarta: Kanisius.
- E.A. Livingstone. 1996. *Oxford Concise Dictionary of Christian Church*. Oxford: Oxford University Press.
- Harold J. Laski. 1997. *The rise of European liberalism*. New York: Library of Congress.
- Karen Armstrong. 1991. *Holy War: The Crusades and Their Impact on Today's World*. London: McMillan London Limited.
- Khalif Muammar. 2009. *Atas nama kebenaran tanggapan kritis terhadap wacana Islam liberal*. Selangor: Akademi Kajian Tamadun.
- Mariani Febriana Lere Dawa. 2010. *Teologia salib Martin Luther dan implikasinya dalam dunia masa kini*. Jawa Timur: Institut Theologis Aletheia.
- Marvin Perry. 2015. *Western Civilization, a brief story*. Kindle Edition. New York: Cengage Learning.
- Mazlan Ibrahim, Jaffary Awang, Latifah Abdul Majid, Muhd Najib Abdul Kadir & Fadlan Othman. 2011. *Isu-isu Islam Liberal dan Hubungannya dengan Identiti Melayu Masa Kini*. Kertas Kerja dibentangkan di International Conference On Islamic Civilization And Malay Identity. Anjuran School of Humanities, Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang, 14 – 16 Jun.
- Mc Donald dan Lee Cameron. 1968. *Western political theory*. Part 2 & 3. New York: Harcourt Jovanovich.
- Michael Baigent, Richard Leigh, Henry Lincoln. 1986. *The Messianic Legacy*. New York: Dell Publishing.
- Mill, J. S. 1869. *On liberty*. Canada: Batoche Books Kitchener.
- Norman Daniel. 1997. *Islam and The West: The Making of an Image*. Oxford: Oneworld Publications.
- Norsaleha Mohd. Salleh, Ahmad Munawar Ismail, Noor Hafizah Mohd. Haridi & Zainora Daud. 2015. *Pengaruh pemikiran humanisme dalam pendidikan psikologi dan Sosiologi*. Prosiding ISPEN.
- Philip J. Adler. 2000. *World Civilizations*. Belmont: Wasworth.
- Richard Elliot Friedman. 1989. *Who Wrote the Bible*. New York: Perennial Library.
- Sayid, Sabiq. 2003. *Akidah Islamiah*. Batu Cave: Pustaka Salam.
- Tengku Intan Zarina Tengku Puji dan Muhd. Najib Abdul Kadir. 2013. *Kritikan Muslim Liberal Terhadap Ulum al-Quran: Suatu Kecenderungan Baru dalam Tafsiran al-Quran*. *Jurnal Islamiyyat*. 35(2): 83-88.
- Ulwan, Abdullah Nashih. 1996. *Islam Syariat Abadi (Al-Islam Syar'ah Az-Zaman wa Al-Makan)*, Penerjemah Jamaludin Saiz. Jakarta: Gema Insani Press.